

08 OCT 2002

Najib-Pengganas

TIDAK ADIL MALAYSIA DICAP NEGARA PENGGANAS, KATA NAJIB

KOTA KINABALU, 8 Okt (Bernama) -- Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Abdul Razak hari ini berkata tidak adil bagi media antarabangsa menamakan Malaysia sebagai sarang pengganas kerana negara ini sentiasa menerima kedatangan orang asing sebagai pelancong atau pelajar.

"Kalau kita sudah mendapat maklumat bahawa mereka sebenarnya pengganas dan memang diburu pihak berkenaan, kita akan ambil tindakan yang tegas," katanya kepada pemberita di sini selepas berkempen untuk dari kedai ke kedai di Wisma Sabah di sini bagi membantu calon Barisan Nasional dalam pilihan raya kecil bagi kerusi Parlimen Gaya.

Najib ditanya mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam yang kecewa dengan laporan media asing sejak akhir-akhir ini yang mendakwa Malaysia sebagai sarang pengganas walaupun tuduhan itu tidak mempunyai asas dan bukti yang kukuh.

Beliau berkata Malaysia tidak boleh dicap sarang pengganas sebab negara ini tidak tahu menahu bila mereka yang dianggap sebagai pengganas itu datang ke Malaysia memandangkan negara ini biasa menerima kehadiran pelancong dan pelajar asing yang ingin melanjutkan pelajaran di negara ini.

"Tak adil Malaysia dicap sebagai pusat pengganas sebab tindakan penahanan bukan sahaja di Malaysia tetapi di Singapura, begitu ramai telah ditahan. Apakah Singapura juga digelar sebagai pusat pengganas?" katanya.

Amerika Syarikat telah meminta Malaysia menyerahkan seorang rakyat negara itu, Ahmed Ibrahim Bilal, penuntut Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang disyaki oleh Washington bersubahat melancarkan perang terhadap Amerika Syarikat dan menyokong rangkaian A-Qaeda.

Sebelum ini, seorang rakyat Malaysia, Yazid Sufaat, dikehendaki oleh Biro Siasatan Persekutuan (FBI) kerana didakwa membantu pakatan melancarkan serangan terhadap World Trade Center di New York.

Ditanya sama ada dengan permintaan terbaru daripada Amerika Syarikat untuk menyerahkan Ahmed akan menjejaskan imej Malaysia di peringkat antarabangsa, Najib berkata ia tidak akan menjejaskan imej negara.

-- BERNAMA

AT KHY MAI